

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SPW202 - Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan semuanya: Soalan 1 adalah wajib dan pilih mana-mana DUA (2) soalan lain.

1. Ramai pemerhati politik antarabangsa berpendapat bahawa walaupun Perang Dingin telah tamat, dunia masih tidak stabil atau aman. Sebaliknya, beberapa cabaran baru telah muncul terhadap keselamatan dunia. Pilih TIGA (3) daripada penulis-penulis di bawah ini dan ulaskan tafsiran mereka tentang cabaran utama terhadap dunia:

- a) Samuel P. Huntington
- b) Jessica Tuchman Mathews
- c) Seymour Martin Lipset
- d) Deepa Ollapally
- e) Manfred Woehlicke
- f) Michael Klare

[100 markah]

2. i) Apakah maksudnya "dasar luar"?
- ii) Bandingkan cara K.J. Holsti dan Hans Morgenthau mengategorikan matlamat-matlamat dasar luar kepada jenis-jenis tertentu.
- iii) Menurut James Rosenau, apakah sumber-sumber dasar luar?

- iv) Pilih SATU (1) negara dan analisislah dasar luarnya dengan memberi perhatian kepada matlamat-matlamat utamanya, dan keadaan-keadaan di dalam dan di luar negeri yang mempengaruhi tingkahlakunya dalam politik antarabangsa. [100 markah]
3. i) Apakah "konflik"?
- ii) Ulaslah cara-cara bagi menyelesaikan konflik secara aman.
- iii) Jika konflik tidak dapat diselesaikan secara aman, perang mungkin berlaku. Apakah "perang"?
- iv) Ulaslah asal-usul perang di bekas Yugoslavia dan analisislah reaksi antarabangsa terhadap perang itu. [100 markah]
4. i) Apakah maksudnya "penyibaran nuklear"?
- ii) Bincangkan proses penyibaran nuklear sepanjang Perang Dingin.
- iii) Kenapa penyibaran nuklear selepas tamatnya Perang Dingin dikatakan lebih "merbahaya" daripada perlumbaan nuklear Soviet-Amerika?
- iv) Bincangkan regim-regim antarabangsa utama yang bertujuan untuk mengawal penyibaran nuklear dan nilaikan keberkesanannya. [100 markah]
5. i) Ulaslah tanggungjawab-tanggungjawab utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan dengan memelihara keamanan dan keselamatan dunia.
- ii) Kontroversi telah muncul tentang cara bagaimana PBB telah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab itu dalam Krisis Teluk (1990). Ulaslah dengan teliti kontroversi tersebut.
- iii) Bincangkan cadangan-cadangan utama bagi reformasi PBB. [100 markah]